

# Usahawan Muslim terima anugerah semangat niaga

Oleh **FADILAH A. MAJID**  
fadilah@sph.com.sg

PEMILIK One Heart Beat Percussions, Syed Ibrahim Haja Mohideen, adalah satu-satunya usahawan Muslim di kalangan 41 penerima Anugerah Spirit of Enterprise (SOE) tahun ini.

Syarikatnya menyediakan pelbagai khidmat program muzik, termasuk persembahan, pendidikan, membina semangat kekumpulan dalam korporat dan kegiatan muzik di peringkat masyarakat.

Demikian diumumkan SOE semalam.

Anugerah itu akan disampaikan oleh Menteri Negara (Perdagangan dan Perusahaan), Encik Lee Yi Shyan, yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Keusahawanan, dalam satu majlis di Grand Copthorne Waterfront. Encik Lee juga

merupakan Pengerusi Keusahawanan bagi Tindakan Masyarakat (Ace).

Antara usahawan lain yang terpilih termasuk Encik Dennis Wee, Dennis Realty Pte Ltd; Encik Arvind Agarwalla, Fact Software International Ltd; dan Encik Woon Tek Seng, Killiney Kopitiam.

Pemilihan itu dibuat menerusi undi orang ramai antara Ogos dan September.

The Spirit of Enterprise (SOE) merupakan satu badan tidak mencari keuntungan yang menggalak dan memajukan semangat keusahawanan di Singapura.

Syed Ibrahim adalah satu-satunya usahawan Muslim yang terpilih dalam senarai ratusan calon itu.

Tahun lalu, tiga peniaga Muslim dicalonkan iaitu pemilik Reflexion Beauty Centre, Cik Rashida Husain; pemilik Olympic Gems Com-

pany, Encik Md Akbar Sultan; dan pemilik Pyramid Dancer, Cik Samra El Said.

Syed Ibrahim, yang menjadikan minatnya dalam muzik sebagai modal niaga, berkata beliau meminati muzik sejak di bangku sekolah.

Menurut beliau, ibu bapanya juga peniaga dan ini mendorongnya mengikuti jejak langkah mereka.

Tahun lalu, pemilik Now Asia (Nowa), Encik Abuayyubul Ansari, adalah satu-satunya usahawan Islam antara 40 penerima Anugerah SOE 2005 yang disampaikan oleh Presiden S R Nathan di Hotel Hyatt.

Dua lagi peniaga Islam yang turut dicalonkan tahun lalu ialah Cik Som Said, pemilik Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd, dan Tengku Sri Indra, pemilik firma SDG Asia Pte Ltd.



FOTO: SPIRIT OF ENTERPRISE

**MUZIK JADI TUKIKAN NIAGA:** Syed Ibrahim turut menjadikan sekolah sebagai pasaran niaga dengan menganjurkan pelbagai kegiatan muzik untuk kanak-kanak.